

Kemahiran Generik ke Arah Pengukuhan Modal Insan Kelas Global

Khatijah Omar dan Siti Nazilah Mat Ali
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM),
21030 Kuala Terengganu, Terengganu
nazilah@kustem.edu.my

Abstrak: Tidak dapat dinafikan, kemajuan negara amat bergantung kepada pembangunan dan kekuatan ilmu rakyatnya. Maka dengan itu, RMK 9 memberikan penekanan kepada pembangunan modal insan agar wujud tenaga kerja yang memiliki minda kelas pertama termasuk pemikiran yang berkualiti dan berkemahiran (Chua Soi Lek, 2006). Pada suku tahun pertama 2004, dilaporkan bahawa kira-kira 50,000 siswazah yang sebahagian besarnya daripada lulusan sains sosial dan sastera masih menganggur (Utusan Malaysia, 29/4/2004). Jumlah ini kian meningkat pada tahun 2005. Menurut Menteri Sumber Manusia, fenomena ini wujud kerana siswazah kurang menguasai kemahiran generik terutamanya kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir dan memberi pandangan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran melihat sesuatu secara holistik. (Utusan Malaysia 18/5/2004). Para majikan pula tidak memandang kecemerlangan akademik semata-mata sebagai syarat laku kerja. Di sinilah kemahiran generik menjadi semakin penting dan menjadi nilai tambah kepada individu dalam memasarkan dirinya di pasaran kerja. Kertas ini akan membincangkan senario semasa dan kepentingan kemahiran generik dibekalkan kepada siswazah, selain daripada pengetahuan merentas kurikulum yang selama ini diamalkan oleh kebanyakan institusi pengajian tinggi, bagi memenuhi kehendak pasaran kerja. Kertas ini juga akan memaparkan dapatan kajian yang dilakukan ke atas 220 syarikat di Malaysia mengenai keutamaan kemahiran generik yang diperlukan bagi graduan jurusan pemasaran, maritim, polisi awam dan perakaunan.

Katakunci : Kemahiran Generik; Modal insan; Kelas Gobal; Budaya ilmu dan Paradigma.

PENGENALAN

Persepsi masyarakat bahawa universiti adalah sebuah tempat bagi mengeluarkan tenaga mahir yang dapat membantu mempertingkatkan status ekonomi dan sosial negara. Sememangnya tamadun agung hanya dapat dicipta oleh mereka yang hebat dan mampu berdaya saing, mereka yang mempunyai tahap ketahanan spiritual dan mental yang tinggi. Sekarang bukan masa untuk terus bertahan ditakuk lama dan mengaplikasikan apa yang sudah tidak relevan sedangkan di luar dunia kita, setiap mulut dan minda berkisar perkataan globalisasi, inovasi, kelebihan persaingan, pembelajaran sepanjang hayat, dan sebagainya.

Professor Colin J. Marsh mendefinisikan kemahiran generik sebagai kemahiran asas untuk membantu pelajar mempelajari bagaimana untuk belajar dan kemahiran-kemahiran ini adalah berkait dengan matlamat pendidikan dan kemahiran-kemahiran baru seperti kemahiran ICT, kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya. Modal insan pula adalah cara mendefinisikan dan mengkategorikan kemahiran dan keupayaan manusia yang digunapakai dalam pekerjaan dan ia menyumbang kepada penjaanaan ekonomi (Wikipedia Encyclopedia).

Modal insan kelas global seharusnya mempunyai nilai budaya yang tinggi, integriti dan kekuatan moral (Najib, 2006). Sebagaimana dinyatakan dalam ucapan dasar RMK 9, kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Persoalannya sejauh manakah graduan kita yang mana merupakan bakal tenaga kerja dan peneraju negara dijana dengan kemahiran-kemahiran generik dalam diri mereka.

Wawasan 2020 adalah visi Negara Malaysia untuk mencapai tahap kemajuan tertinggi berlandaskan kepada suatu pembangunan seimbang berasaskan 'Acuan Kita Sendiri'. RMK-9 serta Rancangan Malaysia seterusnya akan menjadi pemangkin kepada visi ini. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan siri pakej pembangunan negara yang amat penting. Pembangunan modal insan merupakan salah satu teras yang menjadi tumpuan pembangunan negara. Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan antara institusi utama yang telah diamanahkan untuk memainkan peranan bagi memenuhi tanggung jawab tersebut. Pelbagai inisiatif perlu diambil untuk memastikan IPT mampu untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai personaliti yang unggul selari keperluan pembangunan modal insan. Kurikulum yang bersepadu bukan saja didorong untuk keperluan tempatan malah didorong oleh dasar untuk menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi berkualiti bagi memenuhi permintaan di rantau ini. Kurikulum bersepadu yang memfokuskan dimensi akademik dan kemahiran generik tidak berlaku secara kebetulan, akan tetapi melalui perancangan strategik dasar kerajaan, IPT dan pihak industri. Ketiga-tiga rangkaian ini merupakan rangkaian utama untuk memastikan pembangunan

modal insan yang cemerlang. Oleh yang demikian, pihak kerajaan, IPT dan industri perlu bekerjasama untuk membentuk sinergi pintar bagi mencapai matlamat negara membangunkan modal insan kelas pertama.

Kepentingan kemahiran generik turut diperakukan oleh para intelek negara dan pihak kementerian. Menurut Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Prof Datuk Dr. Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, UTM menggariskan tiga strategi bagi meningkatkan lakukerja graduan dan antara strategi tersebut adalah memantapkan pelaksanaan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran (Berita Harian, 12/01/2005). Kementerian Pendidikan turut menekankan aspek kemahiran generik melalui konsep kemahiran bernilai tambah (KBT) di dalam kurikulum sebagai suntikan baru kepada pengisian kurikulum kebangsaan bagi melahirkan pendidikan berkualiti dan selari dengan senario dunia global. Kemahiran tersebut mencakupi pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi berkesan, keupayaan bekerja dalam pasukan, kepemimpinan, celik maklumat, keupayaan membuat keputusan, pemikiran logik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan lain-lain lagi. (Berita Harian, 6/12/2003).

Pasaran kerja pada era globalisasi memerlukan tenaga kerja yang berketrampilan dan mempunyai daya saing yang tinggi berikutan persaingan yang semakin sengit. Menurut Timbalan Rektor KUSTEM, Prof Dr. Abdul Majid Mohd Isa, cabaran graduan bukan sekadar menguasai ilmu pengetahuan, malah mempunyai kemahiran generik seperti celik IT, kebolehan berkomunikasi secara berkesan dan mempunyai sahsiah diri yang baik. (Berita Minggu, 17/08/2003). Menurut Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, pihak IPT perlu mengamalkan prinsip yang tidak terpisah dengan keperluan industri. Pencapaian ilmu yang tinggi sahaja tidak mencukupi kerana majikan memerlukan pekerja yang serba boleh. (Berita Harian, 15/03/2006). Prof Datuk Dr. Sulaiman Md Yasin, Rektor KUSTEM, turut berpendapat bahawa kemahiran komunikasi, Bahasa Inggeris dan kemahiran *interpersonal* adalah antara kemahiran generik yang dikenalpasti oleh majikan sebagai prasyarat kepada pembuka peluang menjawat sesuatu pekerjaan. (Berita Minggu, 17/08-2003).

Isu mengenai IPT dan pasaran buruh turut dibahaskan di peringkat antarabangsa. Di dalam laporan UNESCO, 1995, bertajuk "Higher Education: Lessons of Experience", menyebut bahawa ketegangan antara pendidikan tinggi dan alam pekerjaan merupakan salah satu elemen utama yang menjuruskan pendidikan tinggi di dalam krisis. ILO turut menegaskan bahawa cabaran-cabaran besar bagi semua bidang pendidikan adalah disebabkan globalisasi ekonomi. Pihak OECD juga menegaskan bahawa peralihan daripada pendidikan tinggi kepada pekerjaan merupakan salah satu projek terbesar bagi tahun 1990 an dan ia merupakan isu penting yang akan dikaji untuk menentukan halatuju sistem pendidikan dan pasaran buruh. Oleh yang demikian pihak industri perlu memainkan peranan sosial terhadap pembangunan modal insan negara. Perkongsian pintar perlu diwujudkan untuk menghasilkan modal insan kelas pertama dan relevan dengan senario semasa. Sinergi antara pihak IPT dan Industri merupakan komponen yang menjadi kemestiaan untuk menjamin keberkesanan penjana modal insan. (Berita Harian, 9/10/2003)

Perubahan yang berlaku di sektor industri berikutan arus sains teknologi dan globalisasi menuntut kepada keupayaan kemahiran yang lebih tinggi (Borghans, Green, & Mayhew, 2001; elias, & McKnight 2001; Green, Ashton dan Felstead, 2001; Stasz, 2001). Penjana dan peningkatan keupayaan kemahiran di dalam alam pekerjaan merupakan peranan utama yang dimainkan menerusi sistem pendidikan (Borghans et al., 2001). Heijke dan Koeslag (1999) menegaskan bahawa kesilapan penyesuaian antara kurikulum pendidikan dan pasaran kerja menyebabkan wujudnya keperluan untuk memperbaiki kompetensi di kalangan graduan ketika di alam pekerjaan. Senario seumpama ini menimbulkan persoalan terhadap IPT apakah kompetensi-kompetensi dan tahap yang diperlukan untuk diberikan kepada pelajar untuk memastikan kejayaan dan produktiviti sektor industri. (Ashton & Green, 1996; OECD, 1999; Stasz, 2001).

Persoalan yang sama turut timbul bagi pelajar jurusan pemasaran, maritim, polisi awam dan perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM). Oleh yang demikian kertas ini akan membincangkan mengenai kemahiran generik yang perlu ada pada graduan-graduan jurusan ini untuk memasuki pasaran kerja. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengambilan pekerja di dalam bidang perakaunan turut menekankan aspek kemahiran generik (Jacob, K, 2002). Kajian lepas berkaitan dengan kompetensi utama yang lebih diperlukan oleh majikan di kalangan graduan ijazah lanjutan di sektor kesihatan awam pula menunjukkan bahawa kemahiran generik adalah lebih diperlukan berbanding bidang pengkhususan mereka. Antara kemahiran generik yang dikenalpasti ialah kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kreativiti serta kelenturan. Sekaligus dapatan kajian tersebut mencadangkan agar pihak universiti terus memberi latihan kepada graduan terhadap kemahiran generik khususnya kemahiran kognitif. (Biesma, R.G et - al, 2006).

METODOLOGI

Data sekunder adalah melalui bahan-bahan bercetak yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Sallehin Abas mengenai "Penerapan Kemahiran Generik Di Institusi Pengajian Tinggi Teknikal : Kajian Kes Terhadap KUITTHO dan MFI" yang melibatkan 45 orang pensyarah dan 106 orang pelajar tahun akhir Diploma Teknologi Kejuruteraan (Elektrik) di KUITTHO dan MFI dan laporan kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Latihan Industri , Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) pada

tahun 2004 mengenai pandangan pihak industri tentang kemahiran generik yang mereka harapkan ada pada seseorang graduan universiti. Sebanyak 220 agensi atau syarikat di seluruh Malaysia telah diminta untuk memberi maklumbalas kepada soalselidik yang disediakan oleh Jawatankuasa Latihan Industri berkenaan.

HASIL KAJIAN

Tidak salah dikatakan bahawa kebolehpasaran seseorang graduan itu banyak bergantung kepada kemahiran generik yang ada pada mereka. Rata-rata majikan pada hari ini tidak hanya memandang kepada Ijazah atau Diploma yang diperolehi oleh graduan tetapi apakah kemahiran yang ada pada graduan tersebut yang boleh memberi nilai tambah kepada organisasi. Kemahiran generik secara umumnya adalah kemahiran berunsurkan kecekapan dan ketrampilan dan ia bukanlah topik baru. Malah ia telah sedia ada dalam kurikulum pendidikan sejak Datuk Seri Najib yang pada waktu itu (1998) adalah Menteri Pendidikan menyarankan agar keperluan generik dimantapkan dalam diri graduan supaya mereka lebih kompetitif untuk ke pasaran kerja di mana saranan ini telah dibuat lapan tahun yang lalu. Walau bagaimanapun dari segi implementasinya masih belum menunjukkan hasil yang boleh dibanggakan.

Dapatan kajian mengenai “Penerapan Kemahiran Generik Di Institusi Pengajian Tinggi Teknikal : Kajian Kes Terhadap KUITTHO dan MFI” (Mohd Sallehin Abas) menunjukkan bahawa min persepsi terhadap kemahiran generik di kalangan pensyarah pada umumnya adalah sederhana namun persepsi terhadap kemahiran generik di kalangan pensyarah MFI adalah lebih tinggi berbanding pensyarah KUITTHO, pelajar KUITTHO dan MFI. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam Bengkel Kemahiran Generik Merentas Kurikulum (Wan Salihin Wan Abdullah & Mohd Nordin Mohd Abdullah, 2003). Maklumat terperinci adalah sebagaimana berikut:-

Rajah 1 : Persepsi Pelajar dan Pensyarah KUITTHO dan MFI Terhadap Kemahiran Generik

BIL	PERSEPSI TERHADAP KEMAHIRAN GENERIK	MIN
1	Pensyarah KUITTHO	3.75
2	Pelajar KUITTHO	3.67
3	Pensyarah MFI	3.99
4	Pelajar MFI	3.65

Sumber : “Penerapan Kemahiran Generik Di Institusi Pengajian Tinggi Teknikal : Kajian Kes Terhadap KUITTHO dan MFI” (Mohd Sallehin Abas)

Dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Latihan Industri, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) mengenai pandangan pihak industri terhadap kemahiran generik yang mereka harapkan ada pada seseorang graduan universiti menunjukkan kemahiran generik seperti interpersonal dan komunikasi, penguasaan Bahasa Inggeris, etika kerja, teknologi maklumat dan kemahiran berfikir adalah lebih diutamakan berbanding kemahiran generik yang lain.

Rajah 2 : Kemahiran Yang Perlu Ada Pada Seseorang Graduan – Dari Perspektif Industri (Dapatan Kajian 2004)

RANKING	KEMAHIRAN	PERATUSAN
1	Interpersonal dan Komunikasi	70.0%
2	Penguasaan Bahasa Inggeris	67.1%
3	Etika Kerja	67.1%
4	Teknologi Maklumat	60.0%
5	Kemahiran Berfikir	58.6%
6	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	50.0%
7	Pengucapan Awam	50.0%
8	Perbincangan dan Kerja Dalam Kumpulan	45.7%
9	Etika Perniagaan	29.4%
10	Keusahawanan	17.6%

Sumber : Laporan Jawatankuasa Latihan Industri, Fakulti Pengurusan & Ekonomi, KUSTEM

Dapatan ini disokong pula oleh kajian yang dijalankan oleh beberapa orang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mana mereka mendapati sejumlah 217 syarikat mahukan IPT memantapkan kemahiran generik yang relevan di fakulti masing-masing kerana kemahiran generik perlu disesuaikan dengan jenis pekerjaan. Menyedari hakikat bahawa graduan mesti dibekalkan dengan kemahiran generik yang mantap bagi membolehkan mereka bersaing dalam persaingan global, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengambil inisiatif menyenaraikan atribut graduan yang meliputi aspek teknikal dan generik dalam usaha mereka memenuhi permintaan pasaran kerja terkini. Tujuh atribut graduan UTM yang dinyatakan secara rasmi di laman web mereka adalah kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, fleksibel atau mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika dan moral.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dari segi dasar dan polisi kerajaan jelas menunjukkan bahawa kerajaan telah mensasarkan penghasilan graduan yang berkualiti dan mempunyai personaliti yang unggul. Wawasan ini telahpun diserapkan di dalam kurikulum pendidikan negara. Namun begitu apa yang menjadi persoalannya adalah sejauh mana implementasi dan keberkesanan pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, satu perkara penting yang perlu kita perhalusi ialah adakah implementasi yang dibuat bersifat struktural dan komprehensif dan perancangan yang bersistematik dengan mengambil kira aspek individu, proses dan persekitaran untuk menjamin kemampunan kurikulum pendidikan. Apakah kemahiran generik yang perlu diterapkan kepada pelajar mengikut kesesuaian bidang mereka? Apakah kompetensi yang perlu ada pada pensyarah untuk menjamin pencapaian objektif kurikulum? Bagaimanakah caranya untuk menerapkan kemahiran generik di dalam pembelajaran? Adakah kemahiran generik telah diintegrasikan dengan subjek pembelajaran yang ditawarkan? Apakah sistem pengurusan IPT pada keseluruhannya menjuruskan kepada penerapan kemahiran generik? Adakah pemantauan dan penilaian dibuat agar penambahbaikan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa? Oleh yang demikian, dicadangkan agar ISO kemahiran generik perlu dibuat secara bersepadu dengan melibatkan kepakaran yang ada di setiap IPT dan satu jawatankuasa pelaksana perlu dibentuk di setiap IPT untuk mewujudkan satu dokumen yang boleh dirujuk dan digunakan bersama.

Persepsi terhadap IPT perlu diubah. IPT bukan tempat untuk mencatat pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata. Paradigma yang berpusatkan kepada pencapaian CGPA 3.7 ataupun CGPA 4 akan menjerumuskan graduan ke arah orientasi peperiksaan. Akibatnya graduan yang dihasilkan tidak mampu untuk memasarkan diri mereka di dalam negara apatah lagi di rantau ini. Senario sebegini akan menempelak wawasan kerajaan dan matlamat penubuhan IPT untuk menyediakan tenaga kerja yang berkualiti. Satu revolusi perubahan peranan IPT perlu dilaksanakan agar kita dapat memastikan wawasan 2020 dapat dicapai dengan jayanya.

Kerjasama pintar antara IPT dan pihak industri perlu diwujudkan kerana perkembangan pantas teknologi dan globalisasi telah merevolusikan cara kerja diurus dan dilaksanakan. Maka IPT perlu peka terhadap perubahan dan perkembangan semasa dan memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah terkini, relevan dan menepati kehendak pasaran kerja. Kerjasama boleh dilaksanakan dengan melibatkan pihak industri di dalam pembentukan kurikulum, keahlian di dalam lembaga pengarah ataupun lembaga penasihat dan seumpamanya. Kerjasama ini juga boleh dilaksanakan melalui pengajaran berkala yang diwakili oleh pihak industri sendiri, latihan industri, penglibatan pelajar di dalam projek kajian yang dibiayai oleh pihak industri, mewujudkan unit khas untuk memberi khidmat kaunseling mengenai dunia pekerjaan dan lain-lain lagi. Kerjasama seumpama ini tidak akan merugikan mana-mana pihak bahkan dapat membina situasi menang-menang kepada semua pihak terlibat. Pihak IPT dapat menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan pihak industri pula dapat menjana produktiviti syarikat.

Sebagai natijahnya, IPT yang wujud bukan sekadar megah dengan kuantiti graduan yang dihasilkan akan tetapi melahirkan graduan yang unggul personalitinya dan berdaya saing yang menjadi teras kemajuan dan tamadun kehidupan. Akhirnya, kecemerlangan yang dibangunkan ini akan mencipta sebuah tamadun dalam masyarakat Malaysia. Malaysia akan disegani dan digeruni dengan kekuatan keilmuannya dan sejarah telah membuktikan bagaimana sesebuah masyarakat yang berjaya mencipta budaya ilmu telah menjadi teras kekuatan sesebuah negara.

BIBLIOGRAFI

- [1]Baron, R.A, Byrne, D & Branscombe, (2003). *Social Psychology*. Allyn & Bacon, Boston
- [2]Biesma, R.G, Pavlova, M, Merode van G.G & Groot, G., (2006). *Using Conjoint Analysis to Estimate Employers Preferences for Key Competencies of Master Level Dutch Graduates Entering the Public Health Field*. Elsevier Science Ltd
- [3]Covey, S.R., (1989). *Seven Habits of Highly Effective People*. Fireside, Simon & Schuster Inc.
- [4]Hamidi, Zahid A., (2005). *Gelombang Globalisasi Menggarap Keampuhan Ummah di Malaysia*, Yayasan Islam Hadhari Malaysia
- [5]Ibrahim, Salina, (2006). Nur: *Minda Kelas Pertama: Bersediakah Kita* , Karang kraf
- [6]Jacobs, K, (2002). *Class Reproduction in Professional Recruitment : Examining the Accounting Profession*. Elsevier Science Ltd
- [7]Katz., D. & Stotland, E (1959). A preliminary Statement To A Theory of Attitude Structure and Change dlm. *Psychology: A Study of a Science* (vol 3). New York: McGraw-Hill.
- [8]Musa, M.M (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: UtusanPublications & Distributor Sdn Bhd.
- [9]Nik Pa, N.Z (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: DBP.
- [10]Redzuan, M (2001) *Psikologi Sosial*. Selangor Darul Ihsan : UPM
- [11]Skinner, B.F. (1953). *About Behaviourism*. New York: Alfred A. Knopf.
- [12]Yunus, H.M. (1973). *Tafsir Quran Karim*. Djakarta: P.T Hidakarya Agung.
- [13]Williams, R. (1970). *American Society: A Sociological Interpretation*. New York: Alfred A. Knopf.
- [14]<http://www.bpr.gov.my/cda/m-info/sta-main.php>
- [15] <http://www.humancapitalinstitute.org/>
- [16]<http://www.karyanet.com.my/knet/index.php?kamus-Dewan>
- [17] <http://www.kuittho.edu.my>
- [18] http://en.wikipedia.org/wiki/Human_capital